

PM: Kawalan keselamatan

13M - 9 OCT 2003

Daripada KHALID MOHD, BADRUL AZHAR RAHMAN dan ZULKEFLI HAMZAH

BALI 8 Okt. — Malaysia akan memperketatkan kawalan keselamatan dan menjalin kerjasama lebih erat dengan negara jiran bagi memastikan insiden penculikan enam rakyat asing dekat Lahad Datu, Sabah kelmarin tidak berulang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, aktiviti penculikan seperti itu tidak boleh dibenarkan sama sekali kerana ia akan turut menjejaskan keselamatan negara lain di Asia Tenggara.

"Kita tidak boleh benarkan aktiviti seperti ini. Orang tidak tahu berapa besar Asia Tenggara. Mereka fikir jika berlaku sesuatu di sesebuah kawasan di rantau ini semua Asia Tenggara menjadi tak selamat.

"Sebab itu kita kesal tetapi Malaysia akan mengambil langkah untuk memastikan ia tidak berulang lagi," katanya pada

sidang akhbar di akhir Sidang Kemuncak ASEAN ke-9 di sini hari ini.

Dalam kejadian kelmarin, tiga warga Filipina dan tiga warga Indonesia yang bekerja di Borneo Paradise Resort itu diculik oleh 10 lelaki bersenjatakan raifel dan pistol dan sehingga kini usaha menjejaki mereka sedang dilancarkan oleh pasukan keselamatan.

● Lagi laporan, gambar di muka 17

Ditanya mengenai agenda mesyuarat Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC), Dr. Mahathir menjelaskan, ia akan membincangkan pelbagai agenda berkaitan dengan kepentingan negara anggota.

"Sekarang negara Islam merasakan mereka tidak dilayan dengan adil, dilabel pengganas bahkan agama Islam dianggap mengajarkan keganasan. Ini yang akan dibincangkan tetapi saya tidak boleh menyatakan agenda khusus OIC," jelasnya.

Menjawab soalan, Dr. Mahathir berkata, Barat selalu berfikir untuk membantu negara lain menerusi perdagangan, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan sebagainya tetapi malangnya ia perlu dilakukan dengan cara menguasai negara berkenaan.

"Tetapi ini semua bergantung kepada kita untuk benarkan atau tidak. Jika tidak benarkan saya fikir mereka tidak boleh lakukan. Mereka telah membuat kesilapan di Iraq dan saya fikir mereka tidak mahu mengulanginya di tempat lain," jelasnya.

Perdana Menteri turut mengulangi pendiriannya bahawa mana-mana pihak yang membunuh orang awam adalah pengganas sama ada ia dilakukan di Afghanistan, Iraq atau Palestin.

Ditanya nasihat yang boleh beliau berikan kepada Presiden George Bush yang akan menghadiri Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) berhubung

akan diperketat

kebangkitan China sebagai kuasa ekonomi baru, Perdana Menteri menjelaskan, China tidak boleh dilihat sebagai ancaman.

"Bush mesti melihat sesuatu seperti adanya. Hakikatnya China sedang berkembang pesat sebagai kuasa baru ekonomi dan akan memainkan peranan penting bukan sahaja di Asia Timur tetapi juga dunia antarabangsa," katanya.

Kata beliau, walaupun China akan menggunakan kemakmuran ekonominya untuk membiayai perbelanjaan pertahanan tetapi ia tidak perlu dibimbangi kerana China tidak mempunyai sejarah menjajah negara lain.

"Kita tidak boleh fikir China sebagai ancaman tetapi sebaliknya sebagai negara yang memberi peluang. Malaysia bekerjasama rapat dengan China dan begitu juga negara ASEAN lainnya," tambah beliau.

Perdana Menteri menjelaskan apa yang perlu difikirkan ialah jumlah barangan

yang boleh dijual di negara kaya seperti China dan Amerika Syarikat (AS) tentunya boleh mengeksport lebih barang barang sekarang berbanding sebelum negara itu membuka pintu ekonominya.

Menjawab soalan wartawan Australia mengenai sikap ASEAN yang tidak menerima negara berkenaan sebagai rakan, Dr. Mahathir berkata, sangat sukar untuk menjalin hubungan dengan negara yang berlagak seperti timbalan sherif bagi mengawasi rantau ini.

Katanya, selama ini Australia dan bukannya Asia Tenggara yang gemar membeza-bezakan diri mereka.

"Mereka perlu memutuskan sama ada mahu berada dalam Eropah, AS atau Asia. Jika Asia tiada masalah dan setahu saya Australia bukan Asia tetapi akhir bulan ini saya akan mengundurkan diri dan mungkin orang akan bertukar fikiran," jelas Dr. Mahathir. — Utusan